

BAB KEDUA

PENGKELASAN LEKSIKON

2.0. Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan secara ringkas pengertian bahasa dan asal-usul bahasa. Dalam bab ini juga turut dibincangkan penggolongan kata dalam bahasa Arab dan pencirian yang dapat membezakan antara kata nama, kata kerja dan partikel.

Antara ciri interaksi sosial manusia yang paling tersebar luas dan utama ialah melalui pertuturan. Selain dari bahasa percakapan, bahasa penulisan juga memainkan peranan penting dalam interaksi secara langsung atau tidak langsung contohnya melalui Internet. Oleh itu, pengguna komputer sudah semestinya menggunakan bahasa penulisan dalam komunikasi.

Di sini jelaslah, bahawa penggunaan bahasa amat penting dalam komunikasi secara verbal atau tidak verbal. Perkara-perkara yang perlu diketahui oleh penutur sekunder ialah frasa nama, frasa kerja, partikel, klausu, ayat-ayat dan hal-hal yang berkaitan dengan bahasa tersebut. Dengan ini kita dapat berkongsi tanggapan dalam situasi yang jelas dan dari sini kesefahaman dapat dicapai.

2.1. Pengertian dan asal usul bahasa

Pengertian bahasa tidaklah sukar dicari. Bahasa merupakan sesuatu kaedah yang bukan naluri untuk manusia menyampaikan idea, emosi dan keinginan melalui ciptaan simbol-simbol yang lahir secara sedar. Menurut Bloch & Trager (1942 : 2), bahasa ialah suatu sistem simbol arbitrari untuk sesuatu kumpulan sosial bekerjasama. Bagi Lyons (1992 : 5), bahasa ialah institusi untuk manusia berkomunikasi dan berinteraksi melalui simbol-simbol lisan-pendengaran yang arbitrari mengikut tabiat. Abdul Ghafar Hamid (1986 : 14), mendefinisikan bahasa sebagai simbol suara manusia yang dituturkan oleh kumpulan masyarakat tertentu. Kebanyakan ahli linguistik berpandangan bahawa bahasa ialah sistem simbol yang dihasilkan untuk tujuan komunikasi.

Berdasarkan beberapa definisi yang diberikan, dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakan ahli linguistik berpandangan bahawa bahasa ialah sistem simbol yang dihasilkan untuk tujuan berkomunikasi.

Berhubung perkembangan bahasa pula, menurut Abdullah Hassan (1992 : 14), pengkajian tentang asal-usul bahasa sesungguhnya telah bermula sejak abad kelima sebelum masihi di Yunani Kuno tetapi sampai sekarang persoalan ini masih belum mendapat satu kepastian asal-usul dan perkembangan bahasa yang boleh diterima oleh para sarjana.

Menurut Amin Fâkhîr (1981 : 24-25), Nabi Allah Adam mengetahui seluruh bahasa dan berkembang kepada masyarakat di

dunia selepas banjir dan taufan melanda seluruh dunia. Di sini jelaslah kepada kita, bahawa asal seluruh bahasa yang wujud di dunia ini bermula daripada Nabi Allah Adam berdasarkan ayat Al-Quran ini :

وَعَلِمَ عَادَمُ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ
فَقَالَ أَنِّي شُوِّهَ بِإِسْمَاءٍ هَذِهِ لَا إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ
٢٨

Maksudnya : *Dan dia (Allah) yang mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para malaikat lalu berfirman " sebutkanlah sekiranya kamu memang orang-orang yang benar".* (Al-Baqarah 2:31).

Berdasarkan faktor seperti inilah menyebabkan ada di kalangan bangsa tertentu seperti bangsa Cina, Seria dan Firaun Mesir mendakwa bahawa bahasa mereka yang tertua. Perkara ini dijelaskan oleh Amin Fâkhîr (1981 : 25). Bahasa yang terdapat pada hari ini boleh dihimpunkan dalam tiga rumpun besar, iaitu Samiah, Hamiah dan Ariah. Menurut Ibrahim Mohammad Najja (TT ; 19) ahli linguistik Arab mengkaji bahasa melalui sejarah anak-anak Nabi Allah Adam, iaitu Ham, Sam dan Yafith.

Berdasarkan beberapa definisi di atas, dapatlah dirumuskan bahawa bahasa adalah lambang dan simbol satu proses penyampaian makna, maklumat, emosi, idea, pengetahuan, kefahaman, dan sebagainya daripada suatu sumber kepada sasaran melalui saluran tertentu. Dengan bahasa tersebut, akan menghasilkan

maklum balas yang baik dan mengubah cara berfikir seseorang, seterusnya mengubah tindak-tanduk dan kelakuan seseorang.

2.2. Leksikon Perkataan

Dalam kajian ini elemen-elemen yang terdapat dalam leksikon bahasa Arab terbahagi kepada 3 golongan kata, iaitu kata nama (الإسمُ) kata kerja (الفعلُ) dan kata tugas atau partikel (الحرفُ) berdasarkan makna dan penggunaannya. Oleh sebab kajian ini mengkhususkan kepada perincian sintaksis objek, maka bahagian ini sekadar memberi penjelasan sepintas lalu sahaja kepada kata nama, kata kerja dan kata tugas.

2.2.1. Kata Nama

Perkataan kata nama pada umumnya menunjukkan kepada kata nama manusia, tempat, binatang, hidupan dan sebagainya (Ishak Rejab, 1996 : 4). Contoh kata nama manusia ialah Kamal, Ismail dan Roslan. Sementara contoh kata nama tempat ialah Kuala Lumpur, Kota Bharu dan Kuala Kedah. Contoh kata nama binatang ialah بقرة (seekor lembu betina) dan جاموس (kerbau).

Harimurti Kardilaksana (1983 : 115), mendefinisikan kata nama sebagai nomina, iaitu kelas kata yang tidak boleh bergabung dengan kata *tidak*. Kata nama jenis ini biasanya dapat berfungsi sebagai subjek atau objek dari klausa ayat yang terdiri dari nama benda, tempat, orang atau hal-hal yang dibendakan. George M. Abdulmassih (1987 :38), mengkelaskan kata nama ini kepada dua subklasifikasi :


2.2.1.1 Jenis Kata Nama

Kata nama dalam bahasa Arab mengikut jenis terbahagi kepada dua :

1. Kata nama maskulin (مذكر)
2. Kata nama feminim (مؤنث)

Ia dapat digambarkan sebagaimana rajah berikut:

(Rajah 1) : Jenis Kata Nama



Pada umumnya tidak ada tanda-tanda yang khusus bagi maskulin. oleh itu, hendaklah dianggapkan semua nama-nama sebagai maskulin kecuali nama-nama yang tergolong dalam perkara-perkara di bawah ini. Nama-nama di bawah ini adalah feminim.

- a. Perkataan yang mengandungi maknanya menunjukkan kepada orang perempuan, binatang betina seperti emak (أم), anak perempuan (بنت) dan lembu betina (بقرة).
- b. Kata nama yang berakhir dengan huruf (ة) seperti orang gaji perempuan (خادمة).
- c. Nama negeri, bandar atau kampung seperti (مِصْرَ, قَاهِرَةً)
- d. Nama anggota berpasangan seperti kaki, tangan (يَدٌ, رَجْلٌ)
- e. Kata nama yang berakhir dengan huruf hamzah seperti padang pasir (صَحْرَاءُ).
- f. Ada juga terdapat beberapa perkataan kata nama dianggap sebagai feminim seperti matahari, bulan dan bumi. (الْأَرْضُ, الشَّمْسُ، الْقَمَرُ)

2.2.1.2. Kata nama berubah (مُتَصَرِّفٌ)

Kata nama jenis ini boleh diubah suai dan terbahagi kepada dua golongan kata :

2.2.1.2.1. Kata nama kaku (اسمُ جَامِدٍ)

Kata nama kaku ialah kata nama asal yang tidak diambil dari kata kerja. Kata nama ini juga terdapat daripada kata nama dasar (مُصْنَعٌ) dari kata kerja tiga huruf yang tunggal tanpa sebarang penambahan. Kata nama ini dipecahkan kepada dua kategori :

i) Kata nama konkrit (اسمُ الدَّاَتِ)

Kata nama konkrit ialah kata nama yang dapat dilihat atau dirasai.

Contohnya: batu (حَجَرٌ). Ia terdapat dalam beberapa jenis :

a) **Nama khas** (العَلْمُ)

Kata nama khas yang menunjukkan nama sesuatu benda yang khusus atau tertentu terbahagi kepada *hidup* dan *tidak hidup*
Contohnya : فَارسٌ = kuda.

b) **Kata nama alat** (الآلات) contohnya: pintu (بَابٌ)

c) **Kata nama jenis** (الجِنْسُ) contohnya : manusia (إِنْسَانٌ).

d) **Kata nama keterangan tempat** (اسْمُ الْمَكَانِ)

contohnya: Bandar (المَدِينَةِ).

e) **Kata nama khas berimbuhan alif dan lam** (مُعَرَّفٌ بِالْأَلِفِ وَالْلَامِ)

Imbuhan ini berada pada awalan perkataan maka ia akan menunjukkan kepada sesuatu yang tertentu.

Contohnya : الرَّجُلُ = lelaki itu.

ii) **Kata nama abstrak** (اسْمُ الْمَعْنَى)

Kata nama Abstrak ialah kata nama yang membawa konsep asal (المُجَرَّدُ) dan bukan kebendaan serta tidak dapat dirasai. Ia terdiri dari :

a) **Kata nama terbitan yang asal** (المَصْدُرُ المُجَرَّدُ)

Kata nama ini ialah kata nama terbitan tanpa penambahan huruf pada perkataan asal .

Contohnya : gembira = فَرَحٌ , sedih = حَزْنٌ

b) **Kata nama terbitan imbuhan awalan huruf** (المَصْدُرُ (م))

Contohnya : tempat berhimpun/ stesen = (مَجْمَعٌ) (المَيْمَنِي)

2.2.1.2.2 Kata nama pecahan (مشتق)

Kata nama ini berasal dari kata kerja dan terbahagi kepada beberapa bahagian. Antaranya seperti berikut :

a) Partisipal aktif (اسم الفاعل)

Partisipal aktif ialah satu kata nama yang menunjukkan bahawa ia adalah pelaku bagi sesuatu perbuatan. Ianya diambil dari perkataan kata kerja (penambahan pe..., pem.. dalam Bahasa Melayu). Contohnya :

لعب = maksudnya ialah main.

لاعب = maksudnya ialah pemain.

b) Kata nama objek (اسم المفعول)

Kata nama ini menunjukkan bahawa ia adalah sesuatu benda atau perkara yang dibuat ke atasnya.

Contohnya :

فتح = buka (kata kerja)

فاتح = pembuka (pelaku)

مقطوع = yang dibuka / terbuka (objek)

c) Kata nama lebihan (اسم التفضيل)

Kata nama ini membawa makna sangat lebih atau paling.

Contohnya: "أحسن" = terbaik (lebih atau paling).

d) Kata nama melampaui (أمثلة المبالغة).

Contohnya : طاهر (suci lagi bersih)

e) Kata nama miripan (الصيغة المشبهة)

Contohnya : عظيم (kebesaran).

f) Kata nama keterangan waktu (اسم الزَّمَانِ)

Contohnya : مَغْرِبٌ = waktu maghrib.

g) Kata nama keterangan tempat (اسم المَكَانِ)

Contohnya : مَكْتَبٌ = meja.

h) Kata nama benda (اسم الْأَلْأَةِ).

Contohnya : مِقْنَاخٌ = kunci.

i) Kata nama dasar berimbahan (المُصْدَرُ المَزَيْدُ)

Contohnya : اجْمَاعًا = perhimpunan

2.2.1.3. Kata nama tidak berubah (غير مُتَصَرِّفٍ)

Kata nama ini adalah satu kata nama tetap tidak berubah bentuk, bunyi serta barisnya. Kata nama ini terbahagi seperti berikut :

1) Kata ganti nama (الضَّمِينَةُ) yang khas menunjukkan kepada kata ganti nama diri pertama, kedua, ataupun ketiga yang terdiri daripada:

i) Ganti nama pertama / penutur (المُتَكَلِّمُ). Contohnya :

أَنَا = saya

أَنْحُنْ = kami.

ii) Ganti nama kedua (المُخَاطَبُ). Contohnya :

أَنْتَ = awak (maskulin)

أَنْتُمَا = kamu berdua (maskulin)

أَنْتُمْ = kamu semua (maskulin)

أَنْتِ = awak (feminim)

أَنْتُمَا = awak berdua (feminim)

أَنْتُنَّ = kamu sekalian (feminim)

iii) Kata ganti nama ketiga (الغائب). Contohnya :

هُوَ = dia (maskulin)

هُمَا = dia berdua (maskulin)

هُمْ = mereka semua (maskulin)

هُنْيَ = dia (feminim)

هُنَّمَا = dia berdua (feminim)

هُنْ = mereka semua (feminim)

2) Kata nama arah (اسم الإشارة)

Kata nama arah yang berfungsi menunjukkan sesuatu yang bersifat konkrit atau abstrak melalui penanda deriksis (McDermott 1988 : 286), yang terdiri daripada kata arah dekat bagi maskulin مُقْرَدٌ هَذَان (mereka ini) (هُنْلَاء, هَذَا {ini} jama' (جَمْعً) (مُتَّى)), dwi dan (هُنْلَاء, هَذِهِ (dwi) هَاثَان, (mereka) (هُنْلَاء, هَذِهِ (dwi) هَذِهِ (ini)). Bagi feminim مُقْرَدَةٌ (مُتَّى) (هُنْلَاء, هَذِهِ (dwi) هَذِهِ (dwi) هَذِهِ (dwi) هَذِهِ (dwi)). Kata arah jauh maskulin أُولَذِكَ (mereka) دَلِكَ (dwi) دَلِكَ (itu), kata arah jauh feminim أُولَذِكَ (mereka) ثَلِكَ (dwi) ثَلِكَ (itu).

3) Kata nama relatif (اسم الموصول).

Kata nama relatif ialah kata nama khas (اسم المعرفة) yang dapat ditentukan maksudnya dengan ayat selepasnya. Ia merupakan kata nama penghubung berfungsi sebagai klausa utama dengan satu klausa kecil yang lain. Maskulin اللذان, الذین (mereka yang), dwi yang اللذان, الذین (dwi yang) feminim pula اللذان, اللواتی (yang) (mereka yang), الذین (dwi yang) dan الذی (yang).

Contohnya :

(Budak yang berlari di padang itu ialah anak saudara saya). الولدُ الَّذِي يَجْرِي فِي الْمَلَعْبِ هُوَ إِنَّ أخِي

4) Kata nama syarat (اسم الشرط).

Contohnya kata nama syarat :

(Sekiranya anda berusaha pasti akan berjaya). إِنْ تُجْهِدْ نَتَحْلِجْ

5) Kata nama pertanyaan (اسم الاستفهام).

Contohnya :

(Bagaimana keadaan awak?). كَيْفَ حَالَكَ؟

(Adakah awak lulus dalam peperiksaan?). هَلْ تَجْحَدَ فِي الْإِمْتِحَانِ؟

6) Kata nama kiasan (اسم الكناية).

Kata nama kiasan atau sindiran.

Contohnya : كم = berapakah?.

7) Kata keterangan (الظرفُ)

Kata nama keterangan yang menunjukkan tempat dan masa.

Contohnya : فوقَ (atas), تحتَ (bawah), أمامَ (hadapan), خلفَ (belakang).

Keterangan masa . Contohnya : قبلَ (sebelum), بعْدَ (selepas).

: فوقَ الشَّجَرَةِ قِرْدَةً (Di atas pokok ada monyet).

8) Kata nama bilangan (اسمُ العَدْدِ)

Kata nama bilangan ialah jumlah bilangan yang menerangkan frasa nama (Nik Safiah Karim, 1993 : 272) . Dalam bahasa Arab bilangan seperti, 1,2,3, bilangan maksud himpunan seperti, puluhan (عشرات),

ratusan (مَلَكِينَ), ribuan (الآفُ), jutaan (مايا تُ).

2.2.1.4 Mengenali ciri-ciri kata nama (اسم)

Terdapat beberapa tanda untuk mengenal pasti kata nama dan berbeza dengan kata kerja serta partikel sebagaimana berikut :

- 1) Tanwin adalah huruf nun berbaris mati (نُونُ السَّاکِنَةِ) yang ditambah pada huruf akhir kata nama hanya pada sebutan dan bukannya pada tulisan. Apabila perkataan itu dibaca secara tanwin menunjukkan ia adalah kata nama.

Contohnya :

كِتابٌ = Berbaris hadapan (buku).

عَادِلاً = Berbaris di atas (keadilan).

رَجُلٌ = berbaris di bawah (seorang lelaki).

- 2) Alif dan lam terdapat pada awalan perkataan secara langsung menandakan bahawa perkataan itu adalah kata nama. Kata kerja tidak boleh dimasukkan alif dan lam. Contohnya : **المدرسة** : (Sekolah).
- 3) Frasa kata yang berada selepas partikel seruan (**حَرْفُ الدَّاءِ**) menunjukkan bahawa perkataan selepasnya adalah kata nama. Antara kata seruan itu : **(أَيْ) (هَيَّا)** = (Wahai!/Hai). Contohnya : **يَا مُحَمَّدًا** (Wahai Muhammad)
- 4) Frasa kata yang berada selepas partikel genitif (**الْجُرْ**). Contohnya :
فِي الْبَيْتِ = (Di dalam rumah)
إِلَى الْمَسْجِدِ = (Ke masjid)
- 5) Sandaran (**الإِضَافَةُ**)

Sandaran ialah sesuatu kata nama yang dikaitkan dengan kata nama yang lain. Contohnya : **صَاحِبُ الْبَيْتِ** = (Tuan rumah).

2.2.2. Kata kerja (الفِعْلُ**)**

Kata kerja ialah sesuatu yang menunjukkan pekerjaan pada masa-masa tertentu. Kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja (Nik Safiah Karim, 1993 : 139). Kata kerja ialah kelas kata yang di dalamnya terkandung kata kerja tulen

gerak dan tak gerak (misalnya tendang, adalah, ialah) dan adjektif (misalnya sabar, diam) (Darwis Harahap, 1989 : 32).

2.2.2.1. Penggolongan kata kerja

Kata kerja sebagai satu golongan kata terdiri daripada dua jenis, iaitu :

1) Kata kerja intransitif (فعل لازم)

Kata kerja intransitif ialah kata kerja yang tidak mengandungi objek yang kata kerjanya tidak perlu disambut oleh frasa nama sebagai objek untuk melengkapkan ayat. Contohnya :

نَامَ مُحَمَّدٌ
(Muhammad telah tidur)

2) Kata kerja transitif (فعل مُتَعَدِّد)

Kata kerja transitif ialah kata kerja yang mengandungi objek, yang kata kerjanya harus disambut oleh frasa nama sebagai objek untuk melengkapkan kata kerjanya. Contohnya :

فَتَحَ مُحَمَّدٌ الْبَابَ
(Muhammad telah membuka pintu).

2.2.2.2. Pembahagian kata kerja

Ada tiga jenis kata kerja yang diketengahkan iaitu :

1) Kata kerja kala lampau (فعل ماض)

Ia merupakan kata kerja yang menunjukkan sesuatu peristiwa atau perbuatan yang telah berlaku. Contohnya :

رَكِيَّتُ السَّيَارَةَ بِالْأَمْسِ
(Saya telah menaiki kereta itu semalam)

Perbuatan kala lampau ini kekal bentuk asal tanpa menerima perubahan pada fonem akhirnya (tetap - barisnya tidak berubah). Ianya terbahagi kepada tiga keadaan iaitu:

i) **Berbaris di atas** (فُتْحَةٌ)

Berbaris di atas {--} tidak bersambung dengan kata ganti nama. Contohnya :

أَكَلَ(هُوَ) (Dia {maskulin} telah makan)

أَكَلَا(هُمَّا) = ({Dia berdua} telah makan)

أَكَلْتُ(هِيَ) = (Dia{feminim } telah makan)

ii) **Berbaris mati** (سُكُونٌ)

Berbaris mati {-} bersambung dengan ganti nama maskulin (أُنْثَى) dan feminim (أُنْثَى) ، ن feminim (هُنْ)، ganti nama penduaan bagi ganti nama kedua (أُنْثَمَا)، ganti nama ketiga jamak maskulin (أُنْثَمُونِ) dan feminim (أُنْثَنِ) ، ganti nama pertama jamak(تَحْنُنْ). Contohnya :

شَرَبْتُ = (Saya telah minum)

شَرَبْتَ = (Awak telah minum) bagi *maskulin*.

شَرَبْتُمَا = (Kamu telah minum) bagi *maskulin* sahaja.

شَرَبْتُمَا = (Awak berdua telah minum) *maskulin* dan *feminim*.

شَرَبْتُمَا = (Awak berdua telah minum) *feminim*

شربْتَ = (Awak telah minum) bagi *feminim*.

شربْتُمْ = (Kamu telah minum) bagi *feminim*.

شربْتُمُوا = (Mereka telah minum) bagi *feminim*.

شربْتُمُوا = (Kami telah minum).

iii) Berbaris hadapan (ضَمَّةُ هُمْ)

Berbaris hadapan {--} bersambung dengan "و" jama' maskulin (هُمْ). Contohnya :

فَعَلُوا = (Mereka telah lakukan).

رَكِيُوا = (Mereka telah menunggang).

ذَهَبُوا = (Mereka telah pergi)

2) Kata kerja kala kini (فعل المضارع)

Ia merupakan kata kerja yang menunjukkan sesuatu perbuatan yang sedang atau akan berlaku. Kata kerja ini mestilah dimulai dengan huruf الْفَ, يَأُ, ثَأُ، تُؤُنْ ataupun الْفَ, يَأُ, ثَأُ، تُؤُنْ. Contoh:

أَرْكَبُ السَّيَارَةَ : (Saya menaiki kereta)

تَحْنُنُ تَنَاقِشُ مَعَ الْأَسْتَاذُ : (Kami berbincang dengan guru)

Perbuatan kala kini atau sekarang (الْزَّمَنُ الْحَاضِرُ) dan akan datang (الْزَّمَنُ الْمُسْتَقِبُ) yang berada dalam keadaan tidak berubah sebagaimana keadaan berikut :

i) Berbaris mati (---)

Berbaris mati bersambung dengan nun feminin. Contohnya :

الطالبات يشربن الماء (Para pelajar wanita sedang minum air).

الأمهات يطبخن الخبز (Para ibu sedang memasak roti)

ii) Berbaris di atas

Berbaris di atas {--} bersambung dengan nun penegasan atau

penguat {ئۇنْ التۆكىنْ} secara langsung. Contohnya :

أُسَاعِدُنَ الْمَظْلُومَ (Adakah awak pasti akan menolong orang yang dizalimi).

3) Kata kerja perintah (فَعْلُ أَمْرٍ)

Ia merupakan kata kerja menuntut perbuatan. Kata kerja ini terbentuk hasil daripada kata kerja kala lepas yang aktif (الفعل) **المُضَارِعُ المُعْتَوِمُ** dengan cara membuang huruf kata kerja kala kini pada awal perkataan tersebut. Kemudian ditambah hamzah (ء) pada awal perkataan dan diberiskan mengikut keadaannya. Huruf selepas hamzah hendaklah dimatikan barisnya. Kedudukan baris pada huruf hamzah yang ditambah pada awalan kata kerja perintah mengikut tiga keadaan:

i) Baris hadapan sekiranya huruf العين itu juga berbaris hadapan

semasa kata kerja kala kini . Contoh seperti berikut :

فَعَلَ-يَقْعَلَ-أَفْعَلَ.

ii) Baris atas jika diasaskan dari kata kerja kala lepas empat

huruf (الفَعْلُ الْمَاضِ الرُّبَاعِيٌّ) contoh: أَكْرَمَ - يُكْرِمُ - أَكْرَمْ - يُكْرِمُ

iii) Baris bawah jika bukan dari kedua-dua di atas. Contoh seperti berikut:

= إِعْلَمْ (Ketahuilah)

= إِنْطَلَقْ (Bertolaklah)

Kata kerja ini berada dalam satu keadaan yang tidak berubah sebagaimana dalam keadaan berikut :

i) Berbaris mati (---)

Berbaris mati yang tidak bersambung dengan sebarang ganti nama selain daripada nun feminim. Contohnya :

أَكْتَبُ الدَّرْسَ (Tulislah pelajaran itu) bagi maskulin

أَكْتَبْنَاهُ الدَّرْسَ (Kamu tulislah pelajaran itu) bagi perempuan

ii) Penyingkiran harfu 'llah (حَذْفُ الْحَرْفِ الْعِلْمِيِّ) apabila fonem

akhiran kata kerja terdiri daripada huruf vokal [ا, و, ي].

Contohnya: دَعَا - (Seru)

دَعَ الخَيْرَ : (Serulah ke jalan kebaikan)

iii) Penyingkiran nun (حَذْفُ النُّونِ)

Penyingkiran nun berlaku apabila bersambung dengan alif penduan (وَالْجَمَاعَةُ) (أَلْفُ الْإِثْنَيْنِ) wau jama' dan Yā' ganti

nama kedua feminim (يَا الْمُخَاطَبَةُ).

Contohnya :

أَخْرِجَا الْفُلُوسَ : (Keluarkan duit kamu berdua)

عَلِمُوا بِنَائِمٍ : (Ajarlah anak-anak perempuan kamu) bagi *maskulin*

أُكْتَبَيِ الْدُّرْسَ : (Tulislah pelajaran itu) bagi *perempuan*

iv) Berbaris di atas (---)

Berbaris di atas bersambung dengan nun penguat secara langsung.

Contohnya :

إِذْقَعْنَ الْبَلَاءَ : (Pastikan awak menolak bala)

2.2.2.3. Mengenal ciri-ciri kata kerja

Perbezaan yang jelas antara kata nama, kata kerja dan partikel terdapat beberapa tanda khusus seperti berikut :

1) Tā' pelaku (تاءُ الفاعل)

Tā' pelaku ialah Tā' yang menunjukkan kata nama pelaku atau pembuat sama ada kata ganti nama pertama, kata ganti nama diri kedua maskulin kata ganti nama diri kedua feminim yang terdapat pada akhiran perkataan kata kerja kala lampau. Tā' yang berbaris ini terdiri dari :

a) Tā' berbaris di atas bagi ganti nama kedua maskulin.

Contohnya :

هَلْ سَمِعْتَ؟ : (Adakah awak dengar?)

b) Tā' berbaris di hadapan bagi ganti nama diri pertama.

Contohnya :

سَمِعْتُ الْخَبَرَ (Saya telah mendengar berita)

c) Tā' berbaris di bawah bagi ganti nama diri kedua feminim.

Contohnya :

هَلْ قَهْمَنْتَ الدَّرْسَ (Adakah saudari faham pelajaran itu)

2) Tā' feminim berbaris mati (يَاءُ التَّأْيِثِ السَّاَكِنَةِ)

Tā' yang terdapat pada akhiran perkataan kata kerja lampau sahaja yang menunjukkan pelakunya adalah feminin.

Contohnya :

قَامَتْ مِنَ الْمَجَlisِ (Dia telah bangun dari majlis)

3) Ya' ganti nama kedua feminim (يَاءُ الْمُخَاطَبَةِ)

Ya' ganti nama kedua feminim dan digelarkan sebagai Ya' pelaku (يَاءُ الْفَاعِلَةِ) kata kerja yang terdapat pada akhiran kata kerja perintah dan kata kerja kala kini.

Contohnya :

i. Kata kerja perintah :

إِحْسَنْ يَا سَعَادٌ إِلَيْ الْقُرَاءِ (Wahai Su'ad! berbuat baiklah

kepada para fakir miskin)

ii. Kata kerja kala kini :

أَنْتَ تَدْهَبُ إِلَيْ المَذْرَسَةِ؟ (Awak akan pergi ke sekolah?)

4) Nun penegasan (نون التوكيد)

Nun penegasan terdapat pada akhiran perkataan kata kerja kala kini dan kata kerja perintah sahaja. Ia dapat dibahagikan kepada dua bahagian :

1) Penegasan sangat kuat (نون التوكيد تقييد).

2) Penegasan biasa (نون التوكيد حقيقة).

Penegasan bersanggatan dapat dikenali dengan ada tanda tasyidid (‘) pada huruf nun. Contohnya : ادفعنْ . Penegasan biasa pula terdapat nun mati pada akhiran perkataan. Contohnya : يسجَّدَنْ .

2.2.3. Partikel (الحَرْفُ).

Partikel adalah sesuatu yang tidak memberi makna jika tidak disertakan dengan kata nama atau kata kerja atau kedua-duanya sekali. Partikel berbeza dengan huruf abjad. Huruf abjad iaitu huruf yang menjadi unsur-unsur asas bagi pembentukan kata (Abbas Hassan, TT : 66). Di dalam bahasa Arab, huruf dibahagikan kepada dua kategori iaitu, huruf abjad dikenali sebagai huruf binaan (حَرْفُ الْمَبْنَى) dan huruf makna (حَرْفُ الْمَعَانِي) . Huruf makna ini dikenali sebagai partikel (Mc Dermott, 1988 :232).

Partikel mempunyai sifat yang terikat dan berperanan dalam sintaksis tertentu sama ada sebagai penghubung, penerang, pengikat, penguat, penegasan dan sebagainya. Partikel merupakan kata struktural, yakni kata yang hanya dapat berfungsi dan mempunyai makna dalam struktur tertentu (Asmah Haji Omar, 1993 : 83).

Seperti juga dengan kata leksikal, partikel boleh berupa partikel tunggal atau partikel majmuk. Partikel tunggal adalah partikel yang terdiri dari satu huruf. Partikel majmuk adalah partikel yang terdiri daripada dua atau lebih huruf. Partikel dalam bahasa Arab adalah seperti berikut :

- 1) Satu huruf (أحَادِيَّة).

Contohnya : ب - س - و.

(مُحَمَّدٌ وَ عَلَيْهِ سَلَامٌ إِلَيْ الْمَدْرَسَةِ يَالسَّيَارَةِ (Muhammad dan

Ali akan ke sekolah dengan kereta)

- 2) Dwihuruf (شَائِي).

Contohnya : إِنْ - لَمْ - أَمْ - إِذْ.

(لَمْ يُعْطِهِ أَجْرَهُ (Dia tidak memberikannya upah).

- 3) Trihuruf (ثُلَاثِي).

Contohnya : اِذَا - رُبْ - سَوْفَ.

(إِذَا جَاءَ الْأَجْلُ (Apabila sampai masa).

- 4) Empat huruf (رُبَاعِي).

Contohnya : كَانَ - حَتَّى.

(أَنْتَظِرُ اسْتِيقَاظَهُمَا حَتَّى بَرَقَ الْفَجْرِ (Aku tunggu kedua-

duanya bangun sehingga terbit fajar)

- 5) Lima huruf (خَمَاسِي).

Contohnya : إِنَّمَا - لَكُنْ.

(Bahawasanya orang mukmin itu
bersaudara)

Kehadiran partikel ini boleh mempengaruhi kedudukan sistem fleksi, fungsi dan tugasnya berlainan antara satu sama lain mengikut cara penggunaan dalam ayat (Al-Sayūti 1984 : 20). Kehadirannya dalam ayat tidak berfungsi sebagai unsur inti dalam sebarang predikat, baik predikat frasa nama, predikat frasa kerja, maupun predikat frasa adjektif.

2.2..3.1. Mengenal tanda-tanda partikel

Partikel mempunyai perbezaan yang jelas antara kata nama dan kata kerja. Selain daripada syarat-syarat dan ciri-ciri kata nama dan kata kerja di atas maka itulah tanda partikel. Contohnya : هُنَّ , فِي ، هُنْ ، فِي ، لِمْ ، =(Di dalam, adakah dan tidak)

2.2.3.2. Pembahagian partikel

Partikel dapat dibahagikan kepada dua subklasifikasi sebagaimana berikut:

1) Tidak khusus

Partikel yang tidak khusus sesuai dimasukkan ke dalam ayat kata kerja dan kata nama. Contohnya :

هُنَّ الْمُسَافِرُ قَادِمٌ؟ (Adakah orang musafir itu tiba?)

هُنْ تَعْلَمُ؟ (Adakah awak tahu?)

2) Khusus

Partikel yang khusus dapat dikelaskan kepada dua bahagian :

i) Khusus bagi kata nama sahaja.

Contohnya partikel genitif (حُرُوفُ الْجَرِّ)

(Saya : سَافَرْتُ بِالقطار مِنَ الْقَاهِرَةِ إِلَى الإِسْكَنْدَرِيَّةِ
telah berlepas dengan keretapi dari Kaherah ke Iskandariah)

ii) Khusus bagi kata kerja sahaja.

حُرُوفُ الْجَزْمِ وَالْتَّصْبِ (partikel akusatif dan jusif)

Contohnya : لَمْ , لَنْ .

لَمْ أَزْرَ الْمُسْيَّءَ وَلَنْ أَزْوَزَهَ : (Saya tidak pernah menziarahi orang jahat dan saya tidak akan melawatnya)

2.2.3.3. Jenis-jenis partikel

Berdasarkan tugas-tugas yang disebutkan di atas, maka partikel ini dapat dijeniskan kepada-jenis yang berikut :

i) Partikel akusatif

Contohnya: أَنْ , لَنْ , إِذَا , كَيْ .

أَنْ مُحَمَّدَ رَسُولُ اللَّهِ : (Sesungguhnya nabi Muhammad itu pesuruh Allah)

ii) Partikel jusif (حَرْفُ الْجَزْمِ)

Contohnya : لَمْ , إِنْ .

Contohnya : لَمْ تَهْمِلُوا (Janganlah kamu cuai).

iii) Partikel seruan (حَرْفُ اللَّدَاءِ)

Contohnya : يَا (أيُّ) (أيَّهَا) (أيَّهَا) :

Contohnya : يَا مُحَمَّدًا ! (Wahai Muhammad!).

iv) Partikel pertanyaan (حَرْفُ الْإِسْتِفَاهَامِ)

Contohnya : Bila (مَنْ), Di mana (أينَ), Siapa (منْ),

bagaimana (كَيْفَ), adakah (هَلْ) .

Contohnya : هَلْ نَجَحْتَ فِي الْإِمْتِنَانِ ? (Adakah awak lulus dalam

peperiksaan?)

v) Partikel penafian (حَرْفُ النَّفِيِّ).

Contohnya : لَا , مَا .

Contohnya : مَا أَكَلْتُ الْيَوْمَ (Saya tidak makan hari ini).

vi) Partikel nasakh (حَرْفُ النَّسْخِ).

Contohnya : إِنْ , كَانَ , لَيْتَ , لَكِنْ , لَيْسَ

Contohnya : لَيْسَتْ قَاطِمَةً مُذَبَّةً (Fatimah tidak bersalah).

vii) Partikel sendi (حَرْفُ الْعَطْفِ)

Contohnya : وَ, ثُمَّ , بَلْ , لَكِنْ , حَتَّى .

فَلَا يَقْرِئُنَّ مَسَاجِدَنَا حَتَّىٰ يَدْهَبُ رِيحُهَا : (Maka Jangan hampiri
masjid kami sehingga hilang baunya)

2.3. Penutup

Sebagai kesimpulannya, konsep-konsep leksikal perkataan inilah dapat mengenal pasti objek dalam klausa ayat. Jika hal ini tidak diambil berat dan kurang menguasainya, maka sudah tentunya pencapaian kefahaman tidak dapat difahami dengan jelas sama ada dalam penulisan atau pertuturan. Dengan leksikal ini juga dapat membezakan di antara kata kerja dan kata nama serta dapat mengetahui dari manakah datangnya objek.